

Headline	Active life style with McDonalds (McDonald's galak gaya ...		
Date	28. May 2007	Language	MALAY
Media Title	Harian Metro	Page No	29
Section	Setempat	Article Size	184 cm2
Circulation	172903	Frequency	Daily
Readership	605160	Color	Full Color



McDonald's galak gaya hidup aktif

MCDONALD'S menganjurkan karnival ceria bertemakan 'Gaya Hidup Aktif dan Seimbang' sempena ulang tahunnya yang ke-25, selaras kempen kesedaran gaya hidup sihat, baru-baru ini.

Karnival di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur itu menawarkan pelbagai aktiviti dengan deretan gerai permainan dan makanan McDonald's.

Pengarah Urusan McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar, berkata karnival itu meng-

galakkan masyarakat mempraktikkan gaya hidup aktif dan seimbang dalam kehidupan mereka bersesuaian dengan kadar aktiviti yang dilakukan.

Antara kempen karnival McDonald's ialah dengan menawarkan pilihan menu yang pelbagai, menyediakan saluran mendapatkan maklumat khasiat pemakanan dan menggalakkan riadah.

"McDonald's memperkenalkan hidangan baru seperti Grilled Chicken Foldover, Spicy Beef Foldover dan pi-

lihan menu baru dalam rangkaian Happy Meal.

"Bagi penyediaan maklumat pula, laman web kami mempunyai 'kalkulator khasiat' mempamerkan kandungan kalori hidangan McDonald's serta Buku Kualiti Makanan dan Risalah Maklumat Khasiat untuk kemudahan pelanggan," katanya.

McDonald's kini memiliki 173 restoran di seluruh negara sejak mula beroperasi pertama kali di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 1982.



SIHAT...karnival anjuran McDonald's selaras kempen gaya hidup sihat.